



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL.14/2014

Rujukan : Bil (44) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

30 September 2014

Tuan Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

PINDAAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI (TIDAK TERMASUK TENTERA DAN POLIS)

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (WP 1.4/2013)** telah menetapkan kadar 'Sewa Hotel' maksimum yang layak dituntut dengan disokong bersama resit bagi bayaran hotel untuk **anggota yang menjalankan tugas rasmi** di luar Ibu Pejabat dan perlu menginap.
3. Bagi perlaksanaannya di peringkat Majlis Bandaraya Ipoh, kadar kelayakan asal bagi perkara tersebut telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Bil. 01/04/08 melalui Kertas Kerja No. 11/04/08 yang mana memutuskan untuk menerima pakai kadar yang ditetapkan oleh Pekeliling – Pekeliling yang dinyatakan di atas.

ARAHAN KEWANGAN BIL.14/2014

PINDAAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI (TIDAK TERMASUK TENTERA DAN POLIS)

Kadar yang telah ditetapkan oleh Pekeliling-Pekeliling tersebut adalah seperti berikut:

a) Semenanjung Malaysia

Gred Jawatan	Sewa Penginapan (Maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Sebenar (Standard Suite)	80.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Sebenar Bilik Superior)	75.00
53 dan 54	Sebenar (Bilik Biasa)	70.00
45 hingga 52	240.00	60.00
41 hingga 44	220.00	55.00
27 hingga 40	200.00	45.00
17 hingga 26	180.00	40.00
1 hingga 16	160.00	35.00

b) Sabah, Sarawak dan Labuan

Gred Jawatan	Sewa Penginapan (Maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Sebenar (Standard Suite)	85.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Sebenar Bilik Superior)	80.00
53 dan 54	Sebenar (Bilik Biasa)	75.00
45 hingga 52	270.00	70.00
41 hingga 44	250.00	60.00
27 hingga 40	230.00	50.00
17 hingga 26	210.00	45.00
1 hingga 16	190.00	40.00

ARAHAN KEWANGAN BIL.14/2014

PINDAAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI (TIDAK TERMASUK TENTERA DAN POLIS)

4. Walaubagaimanapun, sekiranya, tuntutan bayaran sewa hotel tersebut adalah melebihi kelayakan pegawai, Pegawai Pengawal boleh meluluskan tuntutan tersebut dengan **kadar tidak melebihi 20%** daripada kadar kelayakan pegawai selaras prinsip "Let Managers Manage":

5. Bagi pertimbangan mengenai kadar sewa hotel di atas, setiap Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dan juga anggota Majlis dipohon untuk memastikan konsep "Best Value For Money" diterapkan dan ianya adalah sebagai sebahagian dari **pematuhan kepada Arahan Kewangan Bil.6/2013** dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan agar kadar sewa hotel terlibat dalam setiap tugas rasmi yang dihadiri **berpatutan dan munasabah**.
- ii. Pemilihan hotel yang bersesuaian dengan **mengambilkira aspek lokasi, keselamatan, keselesaan munasabah dan tidak melibatkan kos-kos tambahan** (contoh: kos pengangkutan/perjalanan tambahan ke tempat tugas rasmi).
- iii. Urusetia dan setiap anggota juga perlu memastikan **perkongsian bilik hotel dilaksanakan mengikut kesesuaian (jantina)** dalam setiap tugas rasmi dihadiri.

6. Adalah diharapkan dengan kerjasama, perhatian, pertimbangan dan tindakan setiap lapisan warga Majlis Bandaraya Ipoh dapat memastikan perbelanjaan berhemah dan penerapan konsep "Best Value For Money" tersebut tercapai dalam konteks di atas. **Perlaksanaan prosedur-prosedur Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN KUALITI"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HARUN BIN RAHIM)

Datuk Bandar Ipoh



"KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI"